



14 Mei 2013
14 May 2013
P.U. (A) 154

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGEQUALIAN KEPADA BASF PETRONAS CHEMICALS SDN. BHD.) 2013

FACTORIES AND MACHINERY (EXEMPTION TO BASF PETRONAS CHEMICALS SDN. BHD.) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA
(PENGECEUALIAN KEPADA BASF PETRONAS CHEMICALS SDN. BHD.) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian kepada BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd.) 2013**.

Pengecualian

2. Semua jentera yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa, dengan nombor pendaftaran dan perihalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, atas nama BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd. yang telah dikeluarkan perakuan kelayakan, dikecualikan daripada persediaan yang dikehendaki di bawah perenggan 17(*b*) Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*] bagi pemeriksaan ulangan yang berikutnya selepas habis tempoh perakuan kelayakan itu pada 7 Mei 2013.

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 tertakluk kepada syarat bahawa semua jentera yang dinyatakan dalam Jadual menjalani pemeriksaan luaran dan ujian tanpa musnah, dan Pemeriksa berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan dan ujian itu.